



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI RABU : 2 OGOS 2017

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.10 HINGGA NO. 102)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

SOALAN NO.: 10

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN HEE LOY SIAN
KAWASAN : PETALING JAYA SELATAN
TARIKH : 02 OGOS 2017, RABU

SOALAN:

YB. TUAN HEE LOY SIAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan usaha bagi memperbaiki laluan motosikal di Lebuhraya Persekutuan KL-Klang terutama bersebelahan kawasan Petaling Jaya akibat permasalahan yang berpunca daripada banjir di terowong laluan motosikal dan sering berlaku kes rompakan di laluan gelap.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lorong motosikal di Lebuhraya Persekutuan FT02 ini adalah sepanjang 28.5km dan melibatkan 4 pihak yang bertanggungjawab menyelenggara lorong motosikal di Lebuhraya Persekutuan iaitu:

- i. DBKL (2.4km) - dari kawasan Angkasapuri hingga Mid Valley,
- ii. Sprint (2km) - dari Mid Valley hingga ke pintu Gerbang Kota Ehsan,
- iii. JKR (8.1km) - dari pintu Gerbang Kota Ehsan hingga kawasan Kelab Golf Negara Subang,
- iv. dan seterusnya pihak PLUS (16km) - dari kawasan Kelab Golf Negara Subang hingga Bulatan Berkeley, Klang.

Antara masalah serta aduan yang sering diterima adalah berkaitan isu lorong motosikal sempit, isu banjir di terowong dan di lorong motosikal, terowong gelap dan susur masuk dan susur keluar yang kurang selamat.

Bagi mengatasi masalah tersebut, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM29 juta bagi melaksanakan Projek Menaiktaraf Lorong Motosikal di Lebuhraya Persekutuan 2 (FT02). Skop projek ini ialah seperti berikut;

- i. Membina 2 jejambat laluan sikal (overhead ramp) di KM 31 (kedua-dua hala);

- ii. Melebarkan laluan dari 2.5m kepada 3.0m - 3.5m di seksyen 26.3 hingga 34.4 (kedua-dua hala);
- iii. Menaiktaraf rumah pam dan sistem perparitan;
- iv. Menaiktaraf susur keluar masuk (ingress & egress); dan
- v. Menaiktaraf dan menambah bilangan lampu jalan;

Projek ini telah dimulakan pada bulan Jun 2017 dan dijangka siap keseluruhannya pada bulan Mei 2018. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan RM29 juta ini adalah kesinambungan dari peruntukan awal sebanyak RM500 ribu yang telah diterima oleh Kementerian Kerja Raya pada tahun 2016 yang lalu.

Skop kerja bagi peruntukan khas yang berjumlah RM500 ribu merupakan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan dan menaiktaraf aspek keselamatan di laluan motosikal seperti berikut;

- i. Pemasangan papan-papan tanda amaran;
- ii. Membaikpulih permukaan jalan;
- iii. Pemasangan 'road stud';
- iv. Mengecat semula garisan jalan;
- v. Memasang 'sticker' pemantul cahaya;
- vi. Pembaikan lampu jalan;
- vii. Pemasangan penutup longkang baharu;
- viii. Membaiki kerosakan penghadang jalan;
- ix. Memasang 'fender' pada tiang konkrit.

Kerja-kerja pembaikan dan menaiktaraf aspek keselamatan ini telah dimulakan pada 15 September 2016 dan siap sepenuhnya pada 16 Disember 2016.

Sehubungan dari itu, Kementerian Kerja Raya sentiasa komited dalam memperbaiki dan menaiktaraf laluan motosikal di Lebuhraya Persekutuan bagi menjamin keselamatan dan keselesaan para pengguna dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL

TARIKH: 2 OGOS 2017

SOALAN:

Datuk JUSLIE bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan terbaru KSM dalam usaha untuk memperbanyakkan pusat-pusat kerjaya (*one-stop centre*) untuk golongan muda terutamanya di kawasan luar bandar untuk mencari pekerjaan.

PR-1352-L01996

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah mewujudkan pusat-pusat kerjaya di setiap negeri yang dikenali sebagai Pusat *JobsMalaysia*. Pusat *JobsMalaysia* diwujudkan bagi meningkatkan mobilisasi tenaga kerja negara dan untuk memastikan penggunaan tenaga kerja secara optimum melalui penjodohan pencari kerja dan kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh pihak majikan. Ianya juga adalah sebagai pusat sehati bagi maklumat pasaran buruh yang boleh dicapai oleh rakyat Malaysia. Pada masa kini terdapat 21 buah Pusat *JobsMalaysia* di seluruh negara yang memberi perkhidmatan pekerjaan seperti khidmat nasihat, kaunseling kerjaya, pusat temuduga, sumber maklumat kekosongan jawatan khususnya kepada pencari kerja dan majikan di agensi kerajaan berkaitan mahupun swasta.

2. Kementerian Sumber Manusia bersama Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah dan sedang berusaha mewujudkan Pusat *JobsMalaysia* di Pusat Transformasi Bandar (UTC) seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Pusat *JobsMalaysia* yang telah beroperasi di UTC antaranya ialah di UTC Alor Setar, UTC Ipoh, UTC Puduraya, UTC Bandar Melaka, UTC Johor Bahru, UTC Kota Bharu, UTC Kuantan, UTC Kuching dan UTC Kota Kinabalu. Kementerian dalam usaha untuk mewujudkan Pusat *JobsMalaysia* di UTC Perlis, UTC Terengganu dan UTC Negeri Sembilan. Tujuan penubuhan *JobsMalaysia* di UTC adalah sebagai Hab Perkhidmatan Pekerjaan dengan menawarkan peluang pekerjaan kepada seluruh lapisan masyarakat selaras dengan konsep NBOS.